



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS MAKAN MALAM APRESIASI MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA

Majlis Makan Malam Apresiasi Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM) telah berlangsung pada 23 Julai 2025 (Rabu) bertempat di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur. Majlis ini merupakan suatu bentuk pengiktirafan dan penghargaan dari KESUMA dan MPM kepada semua pihak terutama para pemegang taruh yang telah menunjukkan komitmen tinggi, menyumbang jasa dan bakti dalam penyelesaian pertikaian perusahaan secara adil, berkesan dan profesional.

Majlis ini turut menyaksikan pengumuman rasmi oleh Menteri Sumber Manusia mengenai pelancaran Program Bantuan Khidmat Guaman bagi kes-kes di MPM, hasil daripada jalinan kerjasama strategik antara MPM dan tiga badan guaman utama negara, iaitu Majlis Peguam Malaysia, *Sabah Law Society* serta *The Advocates Association of Sarawak*.

Melalui kerjasama ini, pihak yang mempunyai kes di MPM di Semenanjung Malaysia boleh mendapatkan khidmat bantuan guaman melalui *BAR Council Legal Aid Centre* (BC LAC) seperti berikut:

- i) Perkhidmatan ini ditawarkan kepada mereka yang layak berdasarkan Ujian Kemampuan (Means Test) yang mengambil kira pendapatan dan komitmen kewangan seperti pinjaman perumahan, sewa bulanan dan kos sara hidup;
- ii) Tiada bayaran dikenakan untuk khidmat guaman. Hanya kos-kos perbelanjaan langsung seperti pengangkutan peguam, fotokopi dan surat akuan sumpah perlu ditanggung pemohon memandangkan tiada fi pemfailan dikenakan oleh MPM.

Manakala bagi kes-kes MPM di Sabah dan Sarawak, pihak-pihak yang berkeelayakan boleh mendapatkan khidmat bantuan guaman masing-masing melalui *Sabah Law Society* dan *The Advocates Association of Sarawak* mengikut syarat yang ditetapkan oleh badan-badan guaman berkenaan.

Inisiatif ini mencerminkan usaha berterusan MPM dalam memastikan akses kepada keadilan lebih mudah, inklusif dan mampu dicapai oleh semua lapisan masyarakat, khususnya golongan pekerja dan majikan yang memerlukan.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
KUALA LUMPUR
24 JULAI 2025

MAKLUMAT TAMBAHAN

Mekanisme Pelaksanaan: Ujian Kelayakan (Means Test)

Penilaian kelayakan penerima bantuan guaman akan dibuat berdasarkan:

- Jumlah pendapatan isi rumah
- Bilangan tanggungan
- Komitmen kewangan
- Lokasi tempat tinggal (bandar / luar bandar)
- Dokumen sokongan seperti penyata gaji, bil utiliti, dan surat pengesahan

Kriteria Kelayakan Kewangan

Had Jumlah Pendapatan Bulanan (selepas ditolak semua perbelanjaan):

- Pasangan suami isteri: Tidak melebihi RM1,000
- Bujang: Tidak melebihi RM800

Nilai asset mestilah tidak melebihi:

- Rumah/Harta: RM75,000
- Motosikal: RM4,500
- Kereta dan lain-lain: RM15,000
- Simpanan: RM5,000

Nota: Pihak pengurusan berhak menggunakan budi bicara untuk menilai permohonan berdasarkan kes demi kes (case-by-case basis).

Mekanisme ini akan diselaraskan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak dengan penyesuaian konteks negeri masing-masing secara bersama dengan SLS dan AAS.

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	